Tajuk Artikel: ITS dilengkapi teknologi rakam kesalahan pemandu

Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 03 April 2007 – Selasa

KUALA LUMPUR: Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) dibangunkan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan dilengkapi teknologi bagi merakam kesalahan pengguna lebuhraya dan jalan persekutuan serta digunakan polis untuk tujuan pendakwaan, menjelang akhir tahun ini.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pengguna jalan raya sudah keterlaluan dan perlu dibendung dengan tegas sebelum keadaan bertambah buruk dan lebih banyak nyawa terkorban terutama dengan kempen memupuk kesedaran orang ramai tidak berkesan.

"Pengguna jalan raya, terutama penunggang motosikal, kerap tidak mematuhi lampu isyarat, membuat pusingan U haram dan menunggang motosikal menyongsang trafik. Ini bukan saja membahayakan mereka, sebaliknya pengguna lain turut menjadi mangsa.

"Bila mereka kemalangan kita rasa kasihan tetapi apabila kita tengok mereka 'beraksi' di jalan raya, terutama aksi mat rempit, kita marah. Saya sendiri kadang-kadang berasa macam mahu tembak tayar dia," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Pengurusan Trafik (TMC) LLM, di sini semalam.

Samy Vellu menjelaskan, sistem diperkenalkan harus berupaya merakam gambar pesalah atau kenderaan supaya

polis boleh menjadikannya bukti untuk mendakwa pesalah.

TMC, yang menjadi sebahagian aplikasi ITS, dibangunkan Itramas Teknologi Sdn Bhd untuk LLM dengan kos RM24.57 juta membabitkan tiga fasa, bermula dengan mengintegrasikan sistem pemantauan di lebuh raya LDP, Sprint, NPE, Kesas dan Jambatan Pulau Pinang.

Tajuk Artikel: DBKL pasang lampu di semua taman rekreasi

Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 03 April 2007 – Selasa

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memasang lampu di setiap taman rekreasi sekitar bandar raya ini dalam kuantiti yang banyak bagi menerangi kawasan itu pada waktu malam untuk membanteras kegiatan sumbang segelintir pasangan kekasih.

Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusoff, berkata pemasangan lampu itu adalah bagi mengelakkan segelintir pasangan kekasih melakukan aktiviti tidak bermoral dan berkelakuan sumbang di tempat itu.

"Kekurangan lampu di taman rekreasi memberi peluang kepada golongan itu duduk di kawasan yang terpencil dan gelap bagi melakukan kegiatan tidak bermoral kerana ia tidak disedari orang sekeliling

"Menyedari keadaan dan masalah sosial itu, DBKL mengambil keputusan menambah lampu di taman rekreasi supaya mereka tidak berani dan malu untuk melakukannya kerana pasti dilihat orang yang lalu di situ," katanya.

Datuk Salleh berkata, DBKL tidak akan menutup taman rekreasi kepada orang ramai di waktu malam kerana pada masa itulah orang ramai ingin keluar bersiar-siar bersama rakan dan keluarga setelah penat bekerja di siang hari.

"Sekiranya DBKL menutup taman rekreasi di waktu malam, masyarakat yang ingin beriadah setelah sibuk bekerja di siang hari tidak mempunyai tempat sesuai untuk melakukannya

"Selain itu, pemasangan lampu itu juga tidak akan menakutkan orang ramai mengunjunginya atau mengelakkan mereka bimbang akan diragut dan dijadikan mangsa jenayah lain jika keadaannya gelap," katanya pada majlis sambutan Maulidur Rasul 1428 Hijrah (2007 Masihi) yang dianjurkan di Masjid Az-Zubair Ibnul Awwam, di sini, kelmarin.

Lebih 2,000 orang hadir menyertai program yang diadakan bersempena sambutan terbabit bertujuan merapatkan hubungan silaturahim dan melahirkan masyarakat yang bekerjasama antara satu sama lain.

Acara itu juga adalah bagi membudayakan masjid dan masyarakat serta menjauhkan remaja dari gejala tidak sihat.

Pengerusi masjid itu, Mohd Daim Abdullah berkata, program tahunan itu yang julung kali diadakan secara besaran disertai 12 organisasi yang terdiri dari badan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Pelbagai acara diadakan sepanjang acara itu antaranya selawat beramai-ramai, persembahan nasyid, forum bicara

dan solat berjemaah

"Sambutan yang diterima dari organisasi terbabit dan orang ramai terutama remaja amat menggalakkan dan ia dapat menarik mereka untuk mendekati ajaran Islam sekali gus menjauhi aktiviti tidak bermoral," katanya.

Tajuk Artikel: Proton: Abdullah sedia bincang dengan Volkswagen

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 03 April 2007 – Selasa

KUALA LUMPUR 2 April – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyatakan kesediaannya menemui pegawai kanan Volkswagen AG (VW) bagi membincangkan mengenai cadangan menjalin hubungan strategik dengan Proton.

"Saya menunggu kedatangan ketuanya bagi membincangkan perkata itu, beliau telah membayangkan untuk berjumpa saya, mungkin bila-bila masa.

"Buat masa ini saya berada di Malaysia, tidak pergi ke luar negara," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Misi Malaysia, di sini hari ini.

Abdullah ditanya mengenai laporan bahawa beliau akan mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan VW mengenai cadangan menjalin hubungan strategik dengan Proton.

Menurut Perdana Menteri, siri perbincangan dengan rakan kongsi strategik berpotensi hampir dimuktamadkan.

"Perundingan di peringkat pegawai hampir dimuktamadkan. Mereka harus membentangkan laporan penuh kepada saya.

"Tiada tempoh tamat ditetapkan bagi membincangkan mengenai rakan kongsi Proton, malah kami mahu ia dimuktamadkan secepat mungkin," katanya.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop Jumaat lalu berkata, kerajaan tidak dapat mengumumkan nama rakan kongsi strategik Proton pada tarikh akhir seperti ditetapkan iaitu akhir Mac.

Abdullah turut ditanya mengenai perbincangan rakan strategik antara Proton dan General Motors Corporation (GM).

"Perkara ini terpulang kepada pihak Proton untuk buat keputusan. Jika perlu ada pertemuan dan perbincangan, mungkin kemudian mereka akan bincang," jelasnya.

Tajuk Artikel: Elak gulung tikar – PM -- Proton perlu benarkan pengedar turut jual kereta lain

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 03 April 2007 – Selasa

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI dan RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 2 April – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Proton Holdings Bhd. (Proton) mengambil langkah-langkah perlu untuk menyelamatkan 70 peratus wakil penjual kereta nasional itu yang kini menghadapi risiko gulung tikar.

Beliau yakin Proton mempunyai kaedah tertentu bagi menangani masalah tersebut termasuk kemungkinan membenarkan wakil penjual mereka mengedar kereta-kereta daripada jenama lain.

“Tentu ada cara yang dibenarkan, mungkin mereka dibenarkan untuk mengedar kereta-kereta lain,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Misi Malaysia, di sini hari ini.

Kelmarin, Presiden Persatuan Penedar Proton Edar Malaysia (Peda), Wan Ahmad Sepwan Wan Abdul Rahman menyatakan, kira-kira 70 peratus wakil penjual Proton seluruh negara menghadapi risiko gulung tikar selepas jualan mereka mencatat kerugian tahun lepas.

Menurutnya, selain kekurangan model baru keluaran Proton, kerugian itu disebabkan minat pembeli beralih kepada kenderaan yang lebih sesuai bagi kegunaan keluarga.

Wan Ahmad Sepwan berkata, ramai wakil penjual mengalami kerugian dianggarkan melebihi RM240,000.

“Setiap pendedar perlu menjual 35 hingga 40 buah kenderaan sebulan bagi menampung kos seperti gaji dan sewa premis.

“Tetapi sejak tahun lepas mereka hanya mampu menjual sekitar 10 hingga 15 buah kereta sebulan,” katanya.

Bilangan wakil penjual Proton yang hampir 400 adalah besar bagi satu jenama menyebabkan bilangan jualan kereta nasional itu bertabur.

Proton menjual 115,546 buah kereta sepanjang tahun lalu, iaitu penurunan kepada 31 peratus dalam penguasaan pasarannya berbanding 40 peratus pada 2005.

Tajuk Artikel: Pembaharuan PBB perlu diperhebat – PM

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 03 April 2007 – Selasa

KUALA LUMPUR 2 April – Usaha untuk pembaharuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu diperhebatkan supaya ia kekal sebagai saluran terbaik dalam hubungan pelbagai hala dan merupakan pilihan terbaik bagi mencari penyelesaian kepada masalah dunia.

Ketika membuat gesaan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sebagai satu-satunya pertubuhan mewakili kepentingan pelbagai hala, PBB mesti bersedia memberi khidmat lebih baik terhadap kepentingan negara anggota yang lebih kecil, kurang berkuasa dan kurang makmur.

“Padang permainan mestilah sama rata dalam usaha memperluaskan proses membuat keputusan dalam organisasi itu.”

"Dalam melaksanakannya, bagaimanapun, kita secara berterusan perlu membezakan antara pembaharuan sebenar yang boleh menjadikan PBB lebih demokratik dan mereka yang merancang semata-mata untuk menjadikan PBB lebih kos efektif, boleh diharapkan, efisien dan teratur," katanya pada Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata, komitmen sebenar kepada perhubungan pelbagai hala oleh semua negara, terutamanya kuasa besar akan memberikan isyarat jelas kepada semua kerajaan bahawa tujuan dan prinsip PBB akan membentuk asas kepada pengendalian hubungan antara negara-negara.

"Komitmen seperti itu juga akan menyediakan asas kepada perkongsian antarabangsa yang sebenar untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan global serta mencapai pembangunan ekonomi dan sosial antarabangsa," katanya.

Abdullah berkata, dalam kempen untuk aturan ekonomi dan politik antarabangsa yang lebih adil, Malaysia perlu terus berani dalam menggesa untuk menghapuskan ketidakadilan di dunia.

"Kita perlu terus berada di barisan hadapan menyokong penghapusan ketidakadilan ini dalam hubungan antara negara-negara. Kita perlu kekalkan penolakan kita terhadap penyelesaian satu pihak sebagai kaedah untuk mencari penyelesaian terhadap masalah dunia," katanya. Bernama

Tajuk Artikel: Sikap praktikal teras pendirian diplomatik negara

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 03 April 2007 – Selasa

KUALA LUMPUR 2 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sikap praktikal akan terus menjadi pendirian diplomatik negara dalam menjalin hubungan dan menangani sebarang masalah dua hala, serantau atau multilateral.

Menurut Perdana Menteri, meskipun polisi luar negara sentiasa berasaskan kepada prinsip-prinsip tertentu, pendekatan praktikal ini perlu diamalkan memandangkan polisi luar tidak harus kekal statik.

Namun begitu, katanya, pengamalan pendekatan ini tidak bermakna prinsip-prinsip negara seperti tidak campur tangan dalam hal ehwal negara luar dan penyelesaian secara berdamai akan diketepikan begitu sahaja

"Inilah had kepada sikap praktikal kita.

"Integriti kita sebagai rakyat mesti dikekalkan dan reputasi kita sebagai negara yang menghormati tanggungjawabnya mesti dilindungi," tegas Abdullah ketika berucap merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Misi 2007 di sini hari ini.

Persidangan lima hari itu dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan duta-duta Malaysia dari seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata, pada peringkat hubungan dua hala, Malaysia mahu mempunyai hubungan baik dengan semua negara dan tidak bermusuhan dengan mana-mana daripada mereka.

"Malaysia komited penuh kepada prinsip-prinsip yang merangkumi keperluan bersikap sensitif kepada perasaan dan keprihatinan negara luar, khususnya dengan negara-negara jiran terdekat," katanya.

Malaysia, tambah beliau, tidak berkeinginan untuk mempengaruhi negara lain dari segi pendapat tetapi sebaliknya, sedia berkongsi pengalaman dan pengetahuan terutama dengan negara-negara membangun lain.

Bagi manfaat bersama, kata Abdullah, Malaysia akan terus mempromosikan kerjasama dua hala dengan seberapa banyak negara dan sektor.

Tajuk Artikel: Cuti penuh pekerja tunai haji

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 03 April 2007 – Selasa

KUALA LUMPUR 2 April – Seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) hari ini meminta kerajaan mempertimbangkan supaya diwujudkan satu undang-undang bagi membolehkan umat Islam yang bekerja diberi cuti penuh untuk mengerjakan haji.

Ahli Parlimen Muar, Razali Ibrahim berkata, sehingga hari ini masih belum ada peruntukan itu di bawah undang-undang.

"Mereka ini biasanya mengerjakan haji 40 hari dengan mengambil cuti tahunan atau cuti tanpa gaji. Pada saya, sepatutnya Rukun Islam kelima ini diberikan penghormatan dengan majikan memberikan cuti wajib sekali kepada orang Islam dalam tempoh sepanjang hayat bekerja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan titah ucapan diraja pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Razali berkata, sebagai sebuah negara Islam dan menjadi Pengerusi kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), kerajaan wajar mempertimbangkan cadangan tersebut.

Beliau menambah, bagi mengelak kemudahan itu disalahgunakan, kerajaan mungkin boleh mewajibkan setiap pekerja mendaftar dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebaik sahaja menggunakan kemudahan berkenaan.

Dengan ini, katanya, majikan boleh membuat pemeriksaan bagi mengelak pekerja menggunakan kemudahan itu berulang kali.

"Maknanya kalau dia bertukar kerja sekali pun majikan masih boleh membuat pemeriksaan sama ada dia pernah menggunakan kemudahan itu.

"Saya berharap perkara ini dipertimbangkan kerajaan. Insya-Allah selepas ini orang Islam tidak ada masalah untuk mengerjakan haji," katanya.

Tajuk Artikel: Utamakan mutu perkhidmatan

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 03 April 2007 – Selasa

Oleh MOHMAD SHAID TAUF EK

APABILA kita bercakap tentang perkhidmatan, biasanya ia lebih banyak berfokus kepada perkhidmatan kerajaan. Apabila ia telah menjadi tumpuan utama pandangan masyarakat maka kelemahan yang kecil pun boleh menjadi besar dan memberi persepsi negatif yang menyeluruh.

Apakala persepsi itu berulang-ulang maka dengan sendirinya ia menjadi jenama kepada seluruh jabatan kerajaan.

Perkara sebegini mudah berlaku dengan keterbukaan masyarakat masa kini dan kecanggihan teknologi komunikasi serta peningkatan harapan dalam mengejar kehidupan. Apakala persepsi ini telah menebal maka bukan sahaja ia sukar diubah tetapi juga perkataan "jabatan kerajaan" itu sendiri membawa tanggapan serba negatif walaupun tidak semuanya betul.

Perlu diingat bahawa perkhidmatan kepada orang ramai bukan diberi oleh kerajaan sahaja tetapi juga melibatkan pihak swasta. Malah perkhidmatan swasta adalah lebih dominan dan meliputi aspek yang lebih luas dan berpelbagai dalam kehidupan rakyat berbanding dengan perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan. Perkhidmatan swasta perlu dibayar berbanding perkhidmatan kerajaan yang pada amnya boleh dianggap sebagai percuma kerana ia merupakan tanggungjawabnya.

Bagaimanapun kebanyakan perkhidmatan yang diadakan oleh kerajaan adalah dalam bentuk garis panduan dan saluran besar sahaja manakala pihak swasta mengisinya dengan segala imaginasi, usaha dan kebolehan yang terdaya.

Sepatutnya tidak perlu ada dichotomy dalam penilaian terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan dengan yang diberikan oleh swasta. Kedua-duanya ada kelemahan dan kekuatan. Tetapi yang sering menjadi tumpuan perhatian ialah jabatan kerajaan. Adakah kerana struktur kerajaan yang bersifat monopolistik itu menjadikannya fokus utama? Adakah begitu berat atau sukar untuk berfikir hingga kita terikut-ikut dengan pandangan mudah? Jika demikian maka benarlah ungkapan herd mentality yang digunakan bagi sebilangan besar orang yang mudah terikut-ikut fikiran atau tindakan orang lain tanpa pertimbangan fakta yang sebenarnya.

Bagi pegawai kerajaan yang dikenali secara amnya sebagai government servant memang telah menjadi tradisi mereka untuk tidak membuat kenyataan awam. Maka sewenang-wenangnya mereka boleh menjadi sasaran pelbagai kutukan yang bertalu-talu hanya oleh kerana perbuatan negatif segelintir anggotanya. Apakala perhatian telah begitu tertumpu kepada perkhidmatan awam maka kita mudah lupa kepada satu pihak lagi yang juga memberi perkhidmatan kepada orang ramai, iaitu pihak swasta. Apakah pihak swasta bebas daripada segala dosa dan kelemahan dalam urusan-urusannya? Tentulah mereka juga akan memprotes jika dilonggokkan sebagai satu entiti dan dijenamakan dengan kelemahan dan keburukan yang dilakukan oleh banyak pengusaha dan peniaga, sebagaimana juga kakitangan kerajaan.

Sebenarnya kelemahan berada di mana-mana, begitu juga kekuatan. Lebih-lebih lagi di pihak swasta yang terdiri daripada usaha dan perniagaan yang beraneka jenis dan saiz. Maka tidak adil untuk dikatakan swasta itu baik semuanya atau buruk semuanya. Apa yang jelas, di pihak swasta pun tidak kurang berlaku perkhidmatan yang dangkal dan berkeladak. Namun, mereka yang buruk itu dapat berselindung di belakang nama baik badan-badan korporat besar yang berjaya dan cemerlang perkhidmatannya. Dalam keadaan demikian, tidak ramai pula yang mahu menjadi hero untuk mendedahkan mereka yang perkhidmatannya dangkal. Maka berterusanlah legenda

kehebatan prestasi swasta berbanding government servants yang sering dikaitkan dengan perkara-perkara negatif, lemah dan lembap.

Dari segi pemikiran undang-undang, umumnya terwujud perlembagaan dan undang-undang adalah untuk memastikan hak, kebebasan dan keadilan rakyat dalam menjalani kehidupan seharian terjamin. Soalnya bagaimana pula kedudukan hak, kebebasan dan keadilan rakyat dari segi layanan perkhidmatan yang diberikan oleh badan-badan pengusaha dan perniagaan? Di sini yang dimaksudkan ialah aktiviti yang bukan merupakan kesalahan sivil atau jenayah tetapi mencakupi moraliti dan nilai kemanusiaan. Mengapakah seseorang pengguna yang bersua dengan perkhidmatan dangkal pihak peniaga tidak sekecoh seperti mana jika ia berlaku di jabatan kerajaan? Manakala pelanggan pula bukan mendapat perkhidmatan percuma daripada pihak pengusaha dan peniaga!

Amnya ukuran prestasi syarikat swasta ialah keuntungan. Tahap keuntungan boleh bersebab daripada berbagai punca. Punca utama antaranya ialah keadaan ekonomi makro, ketepatan strategi mikro dan usaha gigih serta tindakan yang tepat lagi efisien di pihak pengusaha atau peniaga. Tetapi ada juga keadaan di mana keuntungan itu terhasil kerana produk atau perkhidmatan yang diberikan adalah sesuatu kemestian dalam keperluan hidup.

Kepuasan atau ketidakpuasan pengguna adalah terletak pada sikap setiap anggota dalam sesebuah organisasi perusahaan dan perniagaan, daripada yang paling tinggi hingga yang terendah. Dalam hal ini prinsip pengurusan yang terlibat adalah sama sahaja sama ada di sektor awam mahupun swasta. Mereka bukan hanya perlu mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap pelanggan sebagai pembawa hasil kepada organisasinya tetapi juga perlu mempunyai tanggungjawab moral dan hormat kepada pelanggan sebagai umat manusia.

* DATUK MOHMAD SHAID TAUFEEK ialah bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Tajuk Artikel: PKNS lepas tangan

Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 03 April 2007 – Selasa

Oleh Radhi Hashim

SHAH ALAM: Lima pembeli rumah teres dua tingkat Seksyen 23 di sini, kesal kerana Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) gagal mematuhi perintah Tribunal Tuntutan upaya membayar pampasan kepada mereka dalam tempoh 30 hari.

Perintah mahkamah bertarikh 19 Januari 2007 itu meminta pemaju taman perumahan terbabit, PKNS membayar RM21,300 bagi setiap pembeli rumah berkenaan sebagai ganti rugi di atas kegagalan pemaju menyediakan lubang angin (vent) pada rumah berkenaan membabitkan lot tepi sebagaimana mengikut pelan asal.

Jurucakap pembeli, Zainudin Md Yusuff, 65, memberitahu Harian Metro, mereka menunggu hampir dua bulan untuk bayaran dilunaskan, tetapi sehingga sekarang, PKNS gagal berbuat demikian tanpa memberikan alasan.

Rumah teres dua tingkat, berharga antara RM250,000 dan RM300,000 setiap unit itu dibina pemaju perumahan, Setia Abadi secara 'turnkey' dan fasa pertama mula diduduki pada Ogos 2005.

Pembeli terbabit mula menyedari pemaju tidak mengikut spesifikasi pelan asal iaitu menyediakan lubang angin

apabila mereka sekeluarga 'kepanasan dan kelemasan' ketika berada dalam rumah terutama ketika hujan.

Tinjauan Harian Metro mendapati udara tidak dapat keluar sebagaimana unit di lot tengah yang dibina lubang angin dua meter persegi di tingkat atas.

"PKNS hanya berdiam diri dan usaha kami menghubungi mereka sama ada melalui telefon atau bersemuka, menemui jalan buntu. Kami tidak dapat menemui seorang pun pegawai PKNS bagi mendapatkan penjelasan mengenai pembayaran pampasan itu," katanya.

Beliau berkata, setiap pembeli menuntut ganti rugi RM24,000 melalui Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah selepas mengambil kira kerugian serta kos yang terpaksa ditanggung pembeli.

"Bagaimanapun, hanya RM21,300 diluluskan tribunal dan kami menerimanya meskipun ada kalangan kami yang tetap kerugian terutama apabila menghabiskan puluhan ribu ringgit untuk pengubahsuaian dan selepas itu baru menyedari pemaju tidak mengikut spesifikasi .

Zainudin berkata, seramai 32 pembeli lot tepi terbabit dalam masalah ketiadaan lubang angin pada rumah mereka, tetapi hanya lima pembeli yang membawa kes ke Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah, ditawarkan pampasan sejumlah itu.

Seorang pembeli, Mohd Hussinnudin Mohd Mohyi, 38, berkata beliau kecewa dengan sikap PKNS yang seolah-olah enggan bertanggungjawab meskipun perintah dikeluarkan oleh tribunal supaya membayar pampasan kepada pembeli terbabit.

"Ketiadaan lubang angin mendatangkan masalah kepada penghuni apabila udara panas tidak dapat keluar," katanya.

Seorang pesara, Ibrahim Hamid, 58, berkata sikap berdiam diri PKNS selepas arahan membayar pampasan dikeluarkan oleh tribunal tidak seharusnya berlaku.

"Ia bagaikan tidak menghormati perintah tribunal yang diwujudkan kerajaan yang antara lain bertujuan menyelesaikan masalah berkaitan hak-hak pembeli rumah," katanya.

Tajuk Artikel: Meja makan belakang kedai

Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 03 April 2007 – Selasa

Oleh Sarah Zulkifli

SUBANG JAYA: Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan melaksanakan projek perintis dengan membenarkan peniaga meletak meja makan di jalan belakang restoran mereka bagi menyelesaikan masalah kekurangan ruang yang dihadapi.

Projek percubaan di beberapa restoran Jalan Bandar 3 dan Jalan Bandar 10, Pusat Bandar Puchong, Selangor itu dilihat sebagai langkah MPSJ mengatasi masalah peniaga yang meletak meja makan atas tempat meletak kereta khususnya pada waktu malam walaupun sudah dikenakan kompaun.

Yang Dipertua MPSJ, Adnan Md Ikshan, berkata pemilik kedai perlu mematuhi beberapa syarat yang dikenakan termasuk membersihkan kawasan belakang kedai, memindahkan kawasan itu dengan landskap, tidak boleh meletakkan televisyen dan sistem pencahayaan yang baik.

"Semua syarat yang diberikan perlu dipatuhi pemilik kedai dan mereka juga perlu menghargai usaha MPSJ untuk menyelesaikan masalah ini.

"Sehubungan itu, saya berharap mereka tidak menyalahgunakan kebenaran yang diberikan jika projek ini dilaksanakan," katanya.

Katanya, MPSJ akan melaksanakan langkah itu di premis lain jika mendapat maklum balas positif daripada orang ramai.

"Jika tiada masalah, kita (MPSJ) akan melaksanakan projek ini di semua restoran dalam kawasan ini bagi menyelesaikan masalah tidak cukup ruang untuk meletakkan meja makan," katanya.

Adnan berkata, pihaknya prihatin dengan keselamatan orang ramai jika meja makan diletak di tempat meletak kereta kerana kenderaan yang lalu lalang mungkin boleh membahayakan keselamatan pengunjung di situ.

"Kita tidak mahu sehingga ada nyawa melayang baru ada tindakan dibuat," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan peniaga yang tamak dan hanya memikirkan keuntungan semata-mata untuk mematuhi undang-undang demi kesejahteraan orang ramai.

Tajuk Artikel: Penduduk terus berbalah

Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 03 April 2007 – Selasa

Oleh Erywan Norshal

PETALING JAYA: "Kami menyokong penuh cadangan kerajaan negeri mengenai penyediaan tanah perkuburan Islam di Seksyen 10, Kota Damansara, dekat sini.

"Pembinaan tanah perkuburan itu, bukan untuk kepentingan individu, tetapi bagi kemudahan kira-kira 150,000 penduduk yang majoritinya adalah beragama Islam," kata Ahli Jawatankuasa Penduduk Kota Damansara, Razak Razali, 45, ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, kebanyakan penghuni yang menetap lebih 12 tahun di kawasan itu kecewa dengan tindakan segelintir penduduk yang bertindak membantah pembukaan kawasan bukit itu untuk dijadikan tanah perkuburan seluas 20

hektar.

Katanya, banyak masalah timbul sebelum itu terutama apabila berlaku kematian di kalangan penduduk kerana ketiadaan tanah perkuburan.

"Tanah perkuburan di Sungai Buloh hanya dikhaskan untuk penduduk di situ, malah ada kes sebelum ini apabila ada jenazah yang lambat dikebumikan kerana tiada tempat," katanya.

Tinjauan Harian Metro semalam mendapati kira-kira 60 ahli jawatankuasa masjid berkumpul di kawasan tapak perkuburan itu untuk menghalang hampir 30 penduduk Seksyen 8 di sini, mengadakan piket membantah kerosakan hutan berkenaan.

Razak berkata, dakwaan mengenai tanah perkuburan terbabit merosakkan ekosistem tidak benar kerana ia akan dibina berkonsepkan sistem perkuburan moden dalam taman dan mesra alam serta lengkap dengan pelbagai prasarana.

Menurutnya, penduduk turut hairan mengenai isu ekosistem yang ditimbulkan segelintir pihak dan menegaskan jumlah keseluruhan hutan yang digunakan untuk dijadikan tanah perkuburan itu tidak sampai enam peratus dan semua pokok tua tidak akan ditebang.

"Tanah perkuburan itu hanya seluas kira-kira 20 hektar di kawasan bukit terbabit dan tidak mengancam hutan," katanya.

Tajuk Artikel: Laporan Trafik Percuma Lebu Raya Bertol LLM September Ini

Sumber / Tarikh: Bernama Online 03 April 2007 – Selasa



LAPORAN TRAFIK PERCUMA... Datuk Seri S.Samy Vellu dan Ketua Pengarah LLM, Datuk Ir Mohd Noor Yaacob (kanan) melihat skrin raksasa yang

menunjukkan pergerakan trafik ketika waktu puncak di beberapa lebuh raya utama di seluruh negara selepas merasmikan TMC LLM di Kajang. *Foto: Mohd Faizol*

KAJANG, 2 April (Bernama) -- Mulai September ini, pengguna lebuh raya bertol di bawah bidang kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan menikmati laporan keadaan trafik secara percuma dengan pelaksanaan sepenuhnya pusat pengurusan maklumat

trafik nasional LLM.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata dengan pelaksanaan Pusat Pengurusan Maklumat (TMC) LLM, orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini trafik melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dan khidmat pesanan multimedia (MMS), selain daripada maklumat yang disiarkan melalui papan tanda boleh ubah berelektronik (VMS).

Projek itu yang dibangunkan sejak Mac 2005 dengan kos RM24.47 juta merupakan sebahagian daripada Sistem Pengangkutan Pintar negara (ITS) bagi membolehkan pengguna lebuh raya mengetahui keadaan trafik bagi membantu merancang perjalanan mereka dengan lebih efektif, katanya selepas merasmikan TMC LLM di sini hari ini.

Samy Vellu berkata melalui TMC, maklumat trafik dapat diperolehi melalui secara masa tepat dengan wujudnya 195 kamera, 88 paparan VMS dan 131 Stesen Pengesanan Kenderaan yang disediakan sepanjang lebuh raya bertol LLM.

Beliau berkata projek ini yang menghubungkan 12 pusat kawalan trafik meliputi tiga fasa dengan fasa pertama dan kedua telah siap dibina pada Januari lepas dan telahpun mula beroperasi.

Fasa pertama meliputi Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)/Sprint, Lebuhraya Pantai Baru (NPE), Lebuhraya Shah Alam-Klang (KESAS) dan Jambatan Pulau Pinang, manakala fasa kedua meliputi Lebuhraya Pantai Timur, Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Koridor Guthrie.

Samy Vellu berkata fasa ketiga projek ini meliputi integrasi ke Sistem Lingkaran-Lebuh Raya Kajang (SILK), Lebuh Raya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuh Raya Bertingkat Ampang dan Lebuh Raya Shahpadu.

Beliau berkata industri lebuh raya sedang melalui satu dimensi baru selaras dengan kemajuan ekonomi negara dengan setiap tahun jumlah trafik yang menggunakan lebuh raya semakin meningkat.

Pada tahun lepas, sejumlah 1.12 bilion buah kenderaan telah menggunakan jaringan lebuh raya di negara ini berbanding 1.07 bilion buah kenderaan pada tahun sebelumnya, katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Sektor Swasta Main Peranan Penting Dim Sambutan Kemerdekaan 50 Tahun

Sumber / Tarikh: Bernama Online 03 April 2007 – Selasa

PUTRAJAYA, 2 April (Bernama) -- Sektor swasta akan memainkan peranan lebih penting daripada segi promosi dan penyertaan secara langsung dalam program sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 Malaysia tahun ini, kata Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata peranan sektor swasta perlu diterjemahkan dalam pelbagai bentuk antaranya termasuklah

penganjuran program dan menyediakan alat-alat dan bahan-bahan bagi memeriahkan program sambutan 50 tahun merdeka.

"Mereka juga bertanggungjawab untuk mengindahkan bangunan masing-masing, menyemarakkan premis perniagaan dengan logo dan slogan merdeka 50 tahun kita," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat bersama kira-kira 100 syarikat korporat sempena sambutan kemerdekaan ke-50 di sini, hari ini.

Rais, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Perayaan Merdeka 50 Tahun, berkata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Mohd Shafie Apdal mempengerusikan satu jawatankuasa berhubung peranan sektor swasta dalam sambutan ulang tahun ke-50 negara.

Satu risalah sebagai panduan untuk sektor swasta memainkan peranan termasuk menghias bangunan dan menjayakan program akan diterbitkan, kata Rais.

Beliau berharap usaha promosi ulang tahun kemerdekaan itu diadakan di merata tempat termasuk plaza tol, lebuh raya, bangunan pasaraya serta hotel dan venue yang terlibat secara terus dengan pelancongan dan program Tahun Melawat Malaysia 2007.

"Usaha ini akan dilakukan dalam tiga segmen, iaitu mulai sekarang sehingga Mei, dari Mei kepada Julai, Julai kepada 31 Ogos dan akhirnya 10 Sept dengan program tamat di Sarawak," katanya.

Sementara itu, Shafie berkata mesyuarat itu antara lain turut membincangkan kesediaan kerajaan untuk melepaskan cukai dalam perbelanjaan yang ditanggung sektor swasta sebagai satu galakan sektor itu menjayakan sambutan tersebut.-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Abdullah: Usaha Pembaharuan PBB Perlu Diperhebatkan

Sumber / Tarikh: Bernama Online 03 April 2007 – Selasa

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Usaha untuk pembaharuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) perlu diperhebatkan supaya ia kekal sebagai saluran terbaik dalam hubungan pelbagai hala dan merupakan pilihan terbaik bagi mencari penyelesaian kepada masalah dunia.

Ketika membuat gesaan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sebagai satu-satunya pertubuhan yang mewakili kepentingan pelbagai hala, PBB mestilah bersedia untuk memberi khidmat lebih baik terhadap kepentingan negara anggota yang lebih kecil, kurang berkuasa dan kurang makmur.

"Padang permainan" mestilah sama rata dalam usaha untuk memperluaskan proses membuat keputusan dalam organisasi itu, katanya pada Persidangan Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di sini hari ini.

"Dalam melaksanakannya, bagaimanapun, kita secara berterusan perlu membezakan antara pembaharuan sebenar yang boleh menjadikan PBB lebih demokratik dan mereka yang merancang semata-mata untuk menjadikan PBB lebih kos efektif, boleh diharapkan, efisien dan teratur," katanya.

Beliau berkata komitmen sebenar kepada perhubungan pelbagai hala oleh semua negara, terutamanya kuasa besar, akan memberikan isyarat jelas kepada semua kerajaan bahawa tujuan dan prinsip PBB akan membentuk asas kepada pengendalian hubungan antara negara-negara.

"Komitmen seperti itu juga akan menyediakan asas kepada perkongsian antarabangsa yang sebenar untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan global serta mencapai pembangunan ekonomi dan sosial antarabangsa," katanya.

Abdullah berkata dalam kempen untuk aturan ekonomi dan politik antarabangsa yang lebih adil, Malaysia perlu terus berani dalam menggesa untuk menghapuskan ketidakadilan di dunia.

"Kita perlu terus berada di barisan hadapan menyokong penghapusan ketidakadilan ini dalam hubungan antara negara-negara. Kita perlu kekalkan penolakan kita terhadap penyelesaian satu pihak sebagai kaedah untuk mencari penyelesaian terhadap masalah dunia," katanya.

Dalam usaha politik, Abdullah berkata Malaysia mesti terus lantang dalam memperjuangkan masalah Palestin kerana ia merupakan perjuangan yang patut disokong.

"Ketiadaan resolusi kepada masalah Palestin adalah faktor tunggal paling penting yang menyebabkan ketegangan berterusan antara barat secara amnya dan dunia Islam secara keseluruhannya," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia, yang menjadi Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), juga mesti terus menyokong pengunduran segera tentera asing dari Iraq kerana serangan itu adalah tidak sah dan tidak ada justifikasinya.

Beliau berkata kehadiran berterusan tentera asing di Iraq telah memburukkan lagi perasaan menentang barat.

"Pencerobohan Afghanistan, sikap agresif terhadap Lubnan dan pendudukan yang berterusan di Bukit Golan, Syria telah menambahkan lagi penghinaan yang dirasakan orang Islam di mana sahaja," katanya.

Abdullah berkata situasi itu telah diselubungi oleh rasa prejudis dan benci yang semakin menjadi-jadi di kedua-dua belah pihak yang berbeza, menyebabkan perpecahan berlaku antara Kristian barat dan dunia Islam.

"Beberapa tindakan yang dianggap tidak sensitif terhadap Islam, dengan yang terbaru kerja mengubah kawasan suci orang Islam di Masjid Al-Aqsa, Baitulmaqdis, telah meningkatkan lagi ketegangan dan memburukkan lagi keadaan," katanya.

Keadaan ini, katanya mesti diperbetulkan supaya perpecahan itu tidak menjadi lebih besar.

Pada peringkat hubungan dua hala, Abdullah berkata Malaysia memberikan komitmen penuh terhadap prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain, dan penyelesaian semua pertikaian dengan cara aman.

Ini, katanya, termasuk keperluan untuk lebih sensitif terhadap perasaan dan kebimbangan orang lain, terutama jiran-jiran terdekat.

"Untuk kebaikan bersama, Malaysia akan terus menggalakkan kerjasama dua hala dengan seberapa banyak negara yang mungkin dan dalam seberapa banyak sektor yang boleh," katanya.

Abdullah berkata walaupun dasar luar Malaysia sentiasa berasaskan prinsip, "kita tidak pernah taksub dalam pemikiran kita".

"Dasar luar tidak boleh dan tidak semestinya statik. Pragmatisme akan terus menjadi pendirian diplomatik Malaysia dalam menangani masalah dan dalam menjalinkan hubungan kita, bukan hanya di peringkat pelbagai hala tetapi juga di peringkat hubungan serantau dan hubungan dua hala," katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Wisma Putra Perlu Ambil Kira Realiti Baru - Abdullah

Sumber / Tarikh: Bernama Online 03 April 2007 – Selasa

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Kementerian Luar atau Wisma Putra, perlu mengambil kira realiti baru apabila melaraskan fungsi dan keutamaannya jika ia ingin terus relevan sebagai pengurus utama kepentingan Malaysia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Perdana Menteri berkata beliau harap penyusunan semula secara besar-besaran yang sedang dilakukan oleh kementerian itu bukan sahaja akan membawa kepada peningkatan kecekapan terhadap fungsinya, tetapi juga meningkatkan pengetahuan serta kepakarannya, termasuk 104 perwakilannya di luar negara, tentang semua perkara berkaitan kepentingan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Antara lain, diplomasi Malaysia juga perlu dibentuk ke arah mencapai sasaran negara untuk menjadi negara maju menjelang 2020 dan mengekalkan kredibilitinya dalam kempen mewujudkan order antarabangsa yang lebih adil dan saksama, kata beliau semasa merasmikan Persidangan Ketua Perwakilan Malaysia keenam di sini.

"Setelah itu, barulah Wisma Putra dapat melaksanakan tugasnya sebagai penasihat yang berkesan kepada kerajaan tentang semua isu berkaitan kepentingan strategik antarabangsa," kata beliau.

Abdullah berkata beliau yakin Wisma Putra, yang bertanggungjawab melakar laluan masa depan diplomasi Malaysia, mampu melaksanakan tugasnya seperti yang diharapkan.

Sejajar dengan itu, kata beliau, diplomat pada era globalisasi bukan sahaja perlu mahir tentang isu politik dan strategik, tetapi juga memiliki pengetahuan tentang ekonomi dan kewangan antarabangsa.

Abdullah berkata diplomat juga mesti memiliki kelayakan yang sewajarnya dan diberi latihan bagi menghadapi tugas mereka yang penuh mencabar dalam mempromosikan dan melindungi kepentingan nasional dalam pelbagai bidang.

"Mereka juga mestilah fasih dalam menggunakan bahasa antarabangsa kerana komunikasi yang berkesan merupakan alat penting dalam diplomasi antarabangsa," katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Tindakan Muflis Terhadap Pemilik Kad Kredit Harus Jadi Pilihan Terakhir

Sumber / Tarikh: Bernama Online 03 April 2007 – Selasa

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Institusi kewangan dinasihatkan supaya menukarkan tunggakan hutang kad kredit kepada bentuk terma pinjaman dan tidak secara terburu-buru mengambil tindakan muflis atau petisyen penggulungan sesebuah syarikat terhadap peminjam.

"Institusi kewangan harus menukarkan tunggakan kepada terma pinjaman supaya mudah bagi pemilik kad kredit membuat bayaran balik," kata Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) N. Marimuthu di sini hari ini.

Katanya institusi kewangan harus menggantungkan kemudahan kad kredit sehingga pemilik kad berkenaan melunaskan hutang dalam tempoh yang ditetapkan.

"Penukaran hutang kad kredit kepada terma pinjaman mudah, saya rasa bank tidak akan kehilangan pelanggan sedia ada.

"Usaha harus dilaksanakan bagi membantu penghutang membayar balik tunggakan secara ansuran bulanan sebelum mengambil tindakan terhadap mereka," katanya kepada Bernama.

Di samping itu, katanya seorang muflis harus bekerjasama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia dan mematuhi Akta Kebankrapan 1967 bagi menyelesaikan kes berkenaan.

"Maka menjadi tanggungjawab jabatan itu untuk membantu meringankan impak ekonomi dengan proses pembubaran hartanah individu atau syarikat dan membahagikan pulangnya secara adil kepada penghutang," katanya.

Marimuthu berkata dengan cara ini, pertikaian kebangkrapan boleh diselesaikan secara teratur dan proses pembubaran akan membantu mengurangkan pinjaman tidak berbayar (NPL).

"Jika semua langkah ini diambil dan penghutang tidak mempunyai apa-apa lagi untuk ditawarkan maka kes individu boleh dipertimbangkan untuk dibebaskan daripada diisytiharkan muflis tanpa sebarang hutang," katanya.

Jabatan Insolvensi Malaysia, di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, bertanggungjawab mengurus, menyelia dan membahagikan hasil yang diperoleh dari hartanah penghutang kepada pemiutang secara adil dan berkesan.

Marimuthu juga mencadangkan pendapatan tahunan minimum dinaikkan kepada RM48,000 bagi pemohon kad kredit, sambil mengatakan syarat mengeluarkan kad kredit oleh institusi kewangan agak longgar.

Beliau mendakwa sebilangan graduan menganggur diberi kad kredit dengan kemudahan had pinjaman antara RM3,000 dan RM5,000 dengan menjadikan mereka penghutang sebelum mereka mendapatkan pekerjaan.

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr Maamor Osman pula mencadangkan pemohon kad kredit mempunyai minimum gaji bulanan sebanyak RM5,000 dan bayaran tunggakan bulanan

ditetapkan sebanyak 20 peratus.

"Oleh kerana Bank Negara sebagai badan penyelia institusi kewangan di negara ini, usaha harus dilakukan untuk menampilkan dasar-dasar jelas bagi menangani masalah ini," katanya.

"Golongan ini (menghadapi tindakan muflis) boleh menjadi penyumbang bermakna kepada ekonomi dan sebaik sahaja diisytiharkan muflis, mereka tidak boleh menyumbang kepada ekonomi negara," kata Dr Maamor sambil menjelaskan trend kes kebangkrapan yang meningkat boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk M. Kayveas berkata sebanyak 2,265 kes muflis dicatatkan sehingga Februari tahun ini.

"Tahun lepas, terdapat 13,590 kes dan jumlah kes terkumpul keseluruhan dari 2002 hingga Februari tahun ini akan melebihi 153,000 kes," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kes muflis kerana gagal melunaskan tunggakan hutang kad kredit bukan punca utama kebangkrapan di Malaysia.

Pada 12 Jan lepas, Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Mohd Razif Abdul Kadir berkata sehingga Oktober tahun lepas, kira-kira 40 peratus pemegang kad kredit di negara ini gagal melunaskan tunggakan hutang berjumlah RM18.6 bilion.

Menurutnya, daripada jumlah tunggakan itu, sekitar RM700 juta merupakan pinjaman NPL.-- BERNAMA